

CNS4217

U GE 11-01 00213 EB005

aac tbe

Mahathir-Bosnia

MALAYSIA HAS LOST FAITH IN COUNTRIES WHICH CONTROL UNITED NATIONS

bm

KUALA LUMPUR, Jan 11⁹³ (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today Malaysia has lost faith in developed nations which all this while had claimed to champion human rights.

Without naming them, he said these countries now controlled the United Nations and were always expressing their willingness to do anything to protect human rights.

+That is why they are prepared to go war with Iraq and other nations. They also want to check whether Nicaragua and Panama practise human principles, + he told reporters after opening the New Klang Valley Expressway at the Jalan Duta toll plaza here.

He was asked to comment on the assassination of Bosnian Deputy Prime Minister Hakija Turajlic by a Serb gunman last Friday while under UN protection, as well as the possibility of the warring factions in Bosnia-Herzegovina withdrawing from the stalled peace talks in Geneva.

Dr Mahathir said what was clear now was that these developed countries which were always harping on human rights would only do something at a minimal cost to them, that is, if they believed such act would not destroy them. -- more

11/01/15-53MST

CNS4240

R GE 11-01 00169 EB006

aac tbe

Mahathir-Bosnia 2 Kuala Lumpur

He said that while they were prepared to station a fighter jet in West Asia ostensibly to protect the Shiite Muslims from Iraq, they did not do anything when up to 50,000 women in Bosnia had been raped by the Serbs.

+For them, because it is dangerous to fight the Serbs for fear of losing two or three of their people, they are not prepared to uphold the principles (human rights) they talk about, + he said.

+So we have lost faith in their talk of principles which has resulted in their wanting to check whether there is human rights violation in Malaysia, + he added.

Dr Mahathir said he believed these countries only dared to act against countries which were incapable of fighting them.

He also believed that if Malaysia were to commit the atrocities committed by the Serbs by indiscriminately killing people, these developed nations would not do anything. -- more

▼11/01/16-27MST

CNS4249

R GE 11-01 00133 EB007

aae tbe

Mahathir-Bosnia 3 Kuala Lumpur

Asked whether Malaysia was still prepared to send a military force to Bosnia-Herzegovina following the latest developments there, he said: +If the UN is willing, we will send, that is if there is a UN military force.+

He said Malaysia would not send a military force on its own without the UN setting up a world body.

On the possibility of the warring factions in Bosnia withdrawing from the Geneva peace talks, Dr Mahathir said: +If I were a Bosnian leader, I would withdraw.+

He said there was no point in attending the peace talks if the developed countries convening it were only prepared to issue the Serbs warnings without taking any concrete action. -- more

▼11/01/16-36MST

CNS4258

R GE 11-01 00154 EB008

aae tbe

Mahathir-Bosnia 4 (last) Kuala Lumpur

Meanwhile, Foreign Minister Datuk Abdullah Ahmad Badawi described the assassination of the Bosnian deputy premier as a cruel and cowardly act.

The act could be viewed as an attempt to sabotage the Bosnian peace talks in Geneva, he told reporters after launching a book, +Professional Diplomacy and Foreign Affairs Management - The Malaysian Experience+ by the ministry's Inspectorate Division head Dr G.K Alfred Kumaraseri at Wisma Putra here.

He said the killing probably had connection with certain parties who wanted to see the peace talks fail and an end to Bosnia-Herzegovina as a republic.

On the uncertainties in Cambodia and concern for the safety of Malaysian soldiers stationed there under the United Nations Transitional Authority in Cambodia (Untac), he said the government was not recalling Malaysian troops because the situation did not warrant it. -- Bernama

▼11/01/16-47MST

U GB 11-01 00207 BH461

BAH

PERHATIAN EDITOR:

Berita ini menggantikan berita +Abdullah - Bosnia+

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA HILANG KEPERCAYAAN PADA NEGARA YANG KUASAI PBB

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia sudah hilang kepercayaan pada negara-negara maju yang selama ini mendakwa mereka sebagai pejuang hak asasi manusia.

Tanpa menyebut nama negara-negara yang dimaksudkannya itu, Dr Mahathir berkata, negara-negara tersebut kini menguasai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sering menyatakan kesanggupan untuk berbuat apa sahaja demi melindungi hak asasi manusia.

+Sebab itu mereka sanggup berperang dengan Iraq dan negara-negara lain. Mereka juga hendak memeriksa sama ada Nicaragua atau Panama mengamalkan prinsip-prinsip kemanusiaan,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Lebu Raya Baru Lembah Klang di Plaza Tol Jalan Duta, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan puak Serb membunuh Timbalan Perdana Menteri Bosnia, Hakiya Turajlic, Jumaat lepas dan kemungkinan pihak-pihak yang berperang di Bosnia-Herzegovina menarik diri daripada rundingan damai di Geneva yang tertangguh sejak seminggu lepas.

Dr Mahathir berkata, apa yang jelas sekarang ialah negara-negara maju yang sering melaung-laungkan prinsip-prinsip kemanusiaan itu hanya akan berbuat sesuatu sekiranya mereka percaya tindakan tersebut tidak akan membinasakan mereka kembali. -- Lagi.

▼11/01/14-43MST

U GB 11-01 00163 BH467

BAH

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, dalam pada mereka sanggup menempatkan pesawat perang di Asia Barat dengan alasan kononnya untuk melindungi orang Syiah daripada dibinasakan Iraq, mereka tidak pula berbuat sesuatu apabila sehingga 50,000 orang wanita di Bosnia ternyata dirogol puak Serb.

+Bagi mereka, oleh kerana bahaya untuk berlawan dengan Serb (dan) kerana takut dua atau tiga orang (daripada) mereka mati, mereka tidak sanggup mendukung prinsip (hak asasi manusia) yang mereka cakap itu,+ tegas beliau.

+Jadi kita sudah hilang kepercayaan kepada cakap-cakap prinsip yang menyebabkan mereka turut ingin memeriksa sama ada di Malaysia juga ada pencabulan hak asasi manusia atau tidak,+ tambah beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya negara-negara maju itu hanya berani bertindak terhadap negara-negara yang tidak berupaya berperang dengan mereka.

Katanya, beliau juga percaya sekiranya Malaysia sanggup melakukan kekejaman seperti puak Serb dengan membunuh sesiapa sahaja, sudah pasti negara-negara maju itu tidak akan berbuat apa-apa. -- Lagi.

▼11/01/15-58MST

U GB 11-01 00138 BH468

BAH

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

Apabila ditanya sama ada Malaysia masih sanggup menghantar pasukan tenteranya ke Bosnia-Herzegovina selepas menyaksikan perkembangan terbaru di negara itu, beliau berkata, +Kalau pihak PBB sanggup, kita akan hantar. Itupun kalau ada pasukan tentera PBB+.

Katanya, Malaysia tidak akan menghantar pasukan tenteranya secara bersendirian tanpa PBB sendiri (terlebih dulu) membentuk pasukan badan dunia itu.

Mengenai kemungkinan pihak-pihak yang berperang di Bosnia menarik diri daripada rundingan damai di Geneva, Dr Mahathir berkata: +Kalau saya jadi pemimpin Bosniapun, saya akan tarik diri+.

Katanya, tidak ada gunanya menghadiri rundingan damai itu sekiranya negara-negara maju yang menganjurkannya hanya sanggup memberi amaran kepada puak Serb tanpa sebarang tindakan tegas.

+Cakap sahaja buat apa. Sepanjang masa kata hak asasi manusia tetapi tidak ada sebarang tindakan,+ katanya. -- Lagi.

▼11/01/16-12MST

CNS4234

U GB 11-01 00194 BH469

BAH

Mahathir - Bosnia 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, Malaysia mengutuk keras tindakan penganas Serb membunuh Timbalan Perdana Menteri Bosnia itu.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai kejam dan pengecut, Abdullah berkata, tindakan itu boleh dianggap sebagai niat jahat untuk mengagalkan rundingan damai Bosnia-Herzegovina yang sedang diusahakan.

Tindakan itu mungkin berkaitan dengan pihak-pihak tertentu yang tidak mahu rundingan damai itu berjaya dan sebaliknya berniat menghancurkan terus Bosnia-Herzegovina, katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku +Diplomasi Profesional dan Pengurusan Ehwat Luar - Pengalaman Malaysia+ karya Ketua Bahagian Inspektorat, Kementerian Luar, Dr G.K. Alfred Kumaraseri, di Wisma Putra, di sini, hari ini.

Semalam, Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) turut mengutuk pembunuhan itu yang disifatkannya sebagai tindakan pengecut dan melanggar undang-undang kemanusiaan serta mencabar kuasa dan mandat Unprofor dan sekali gus menjejaskan usaha mencapai penyelesaian politik dalam krisis Balkan.

Mengenai perkembangan yang tidak menentu di Kemboja dan kebimbangan terhadap askar Malaysia yang bertugas di bawah Pihak Berkuasa Peralihan PBB di Kemboja (Untac), Abdullah berkata, kerajaan belum bercadang memanggil balik askarnya kerana perkembangan itu tidak memerlukan Malaysia berbuat demikian. -- Bernama.

▼11/01/16-15MST